

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. **"BeRAYA dengan Mydebit" ("Peraduan")** dianjurkan bersama oleh BILLION GROUP (No. Syarikat: 200401018071 (656574-X)), Econsave (No. Syarikat: (390990-T)), Giant (No. Syarikat: 200401028527 (667035-P)), MYDIN Mohamed Holdings (No. Syarikat: 199101011136 (221448-A)), The Store Group (No. Syarikat: 199201021166 (252670-P)), Tunas Manja Group (No. Syarikat: 198701007985 (166702-T)) (secara kolektif dirujuk sebagai **"Pasar Raya Yang Mengambil Bahagian"**) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (**"PayNet"**) (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) (secara kolektif dirujuk sebagai **"Pihak Penganjur"**).
2. Peraduan ini terbuka kepada (a) semua pemegang kad Mesin Juruwang Automatik (**"ATM"**) MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan MyDebit di Malaysia; (b) peserta mestilah merupakan warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang mempunyai dokumen/kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan (**"Peserta"**); (c) peserta mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia; (d) akaun tersebut mestilah tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, sepanjang Tempoh Peraduan sehingga selesai penebusan hadiah.
3. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur dan Penaja Hadiah (termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya) serta ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri); dan/atau
 - Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau agensi promosi Peraduan bagi Pihak Penganjur dan Penaja Hadiah (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya), dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri).

Tempoh Peraduan & Kriteria Kelayakan

1. Peraduan ini akan berlangsung dari **7 April 2023 jam 12:00am sehingga 30 Jun 2023 jam 11:59 malam** (Waktu Malaysia) (**"Tempoh Peraduan"**).
2. Pembelian minimum **RM50.00** dan ke atas di cawangan Pasar Raya Yang Mengambil Bahagian menggunakan Kad ATM MyDebit (kad ATM bank anda) sebagai kaedah pembayaran, dalam Tempoh Peraduan yang ditetapkan (dengan resit transaksi bank yang jelas dicetak) akan layak untuk **SATU (1)** penyertaan bagi setiap resit transaksi bank (**"Bukti Pembelian"**).

3. Peserta boleh menghantar lebih daripada **SATU (1)** penyertaan. Setiap slip transaksi hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan peserta akan dibatalkan sekiranya slip transaksi yang sama digunakan untuk lebih daripada **SATU (1)** penyertaan.
4. Bukti Pembelian mesti diserahkan dalam Tempoh Peraduan melalui mana-mana kaedah yang dinyatakan seperti di bawah (Cara Penyertaan).
5. Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.
6. Hadiah Peraduan ("**Hadiah Peraduan**"):
 - a. Hadiah Utama – 6 x Perodua Bezza 1.0G Auto (tidak termasuk cukai jalan dan insuran)
 - b. Hadiah Pertama – 6 x Baucar Runcit 1 Tahun bernilai RM12,000 setiap satu
 - c. Hadiah Kedua – 12 x Baucar Runcit 1 Tahun bernilai RM6,000 setiap satu
 - d. Hadiah Saguhati – 300 x Baucar Tunai bernilai RM200
7. Sebanyak **TIGA RATUS DUA PULUH EMPAT (324) Hadiah Peraduan** untuk dimenangi.
8. Imej hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan promosi, iklan, penerbitan/laman web dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan hadiah yang sebenar.
9. Pihak Penganjur berhak untuk menukar atau, melanjutkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlak tanpa sebarang notis.

Cara Penyertaan

10. Peserta perlu menghantar penyertaan mereka melalui aplikasi **WhatsApp** ATAU melalui aplikasi **Whoop app** (di muat turun melalui Play Store untuk Android / App Store untuk iOS).
 - **(1): Melalui aplikasi WhatsApp**
 - o **Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah** mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. gambar resit bank / slip transaksi bank sebagai Bukti Pembelian;
 - ii. SIMPAN: **BUKTI PEMBELIAN (asal)**;
 - o Hantar penyertaan anda melalui aplikasi WhatsApp ke nombor **+6011 5174 0268**
 - o Peserta akan menerima mesej balasan dengan pautan (laman sesawang / laman web) untuk melengkapkan butiran penyerahan penyertaan (notis privasi, soalan peraduan, maklumat peserta).

- Dengan menghantar penyertaan melalui WhatsApp, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.
 - Perhatian: Bagi setiap Bukti Pembelian yang dihantar, **SATU (1)** nombor siri rawak akan diberikan, nombor siri adalah untuk rujukan Penganjur sahaja dan tidak akan didedahkan kepada Peserta.
- **(2): Melalui aplikasi Whoop app (di muat turun melalui Play Store untuk Android /App Store untuk iOS)**
 - Daftar di Whoop app (pendaftaran untuk kali pertama sahaja)
 - Klik pada sepanduk "**BeRAYA dengan MyDebit**".
 - Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. gambar resit bank / slip transaksi bank sebagai Bukti Pembelian;
 - ii. Jawab soalan Peraduan dan berikan maklumat yang diperlukan;
 - iii. SIMPAN: **BUKTI PEMBELIAN (asal)**;
 - Dengan menghantar penyertaan melalui Whoop! app, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.
 - Perhatian: Bagi setiap Bukti Pembelian yang dihantar, **SATU (1)** nombor siri rawak akan diberikan, nombor siri adalah untuk rujukan Penganjur sahaja dan tidak akan didedahkan kepada Peserta.
11. Setiap Peserta (jika dipilih sebagai Pemenang) hanya layak untuk memenangi SATU (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
 12. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah dengan hadiah yang sama nilai atas budi bicara tunggal dan mutlakny. Pihak Penganjur, agensi, sekutunya, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana Hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
 13. Nilai hadiah adalah tepat pada masa cetakan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah yang sama nilainya pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak mereka tanpa notis terlebih dahulu.
 14. Peserta dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan (kad pengenalan Malaysia) semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan Peserta/Pemenang. Bukti Pembelian yang

tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.

15. Pemenang akan dipilih berdasarkan proses berikut.
 - o Pemilihan Hadiah Peraduan: Pada penghujung Tempoh Peraduan, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah bilangan penyertaan / penyerahan yang sah sepanjang Tempoh Peraduan (**"Peserta Terpilih"**).
 - o Selepas tamat Tempoh Peraduan, Peserta Terpilih akan dihubungi oleh Penganjur dan jika Peserta Terpilih tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan selama tiga (3) hari berturut-turut (dalam waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat), pihak Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan Peserta Terpilih dan akan memilih Peserta yang layak seterusnya sebagai Pemenang Peraduan, yang mana akan dipilih mengikut budi bicara mutlak Penganjur.
16. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian dan kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh Pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
17. Pihak Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh/menukar tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan hadiah pada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
18. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau menanggung segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan penebusan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
19. Penyempurnaan hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan hadiah. Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
20. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai Pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada Peserta tidak akan dilayan.
21. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta yang Terpilih melalui maklumat yang diberi semasa proses penghantaran penyertaan.

22. Semua Pemenang mesti menuntut Hadiah pada tarikh yang ditentukan Pihak Penganjur atau dalam tempoh **DUA (2) bulan** selepas dihubungi oleh Pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya Pemenang (Hadiah Utama/Hadiah Pertama) gagal untuk menuntut Hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain.
23. Sekiranya Pemenang mewakilkan individu lain untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka mesti memaklumkan Pihak Penganjur DUA (2) hari lebih awal dari tarikh yg telah ditentukan. Pemenang mesti memastikan bahawa wakil mereka menyediakan surat kebenaran yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pemenang, serta salinan dokumen pengenalan diri Pemenang, dan dokumen pengenalan diri untuk wakil Pemenang yang sah.

Hak Pihak Penganjur

24. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran pampasan kepada Pemenang/Peserta. Pemenang/Peserta tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.
25. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlak, membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung Peraduan ini tanpa sebarang notis.
26. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu / menggodam / menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
27. Penyerahan peraduan akan dianggap tidak sah sekiranya Peserta menghantar melalui 'Disappearing Message' melalui aplikasi WhatsApp dan imej resit hilang dalam masa yang ditetapkan oleh peserta / pengguna.

28. Hadiah yang hilang atau rosak semasa proses penghantaran tidak boleh diganti dan Penganjur menafikan sebarang kewajipan untuk tidak menggantikan atau memenuhi hadiah tersebut.
29. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau sebarang liabiliti untuk Hadiah / produk / baucar / e-baucar dan secara nyata mengecualikan dan menolak sebarang kenyataan, waranti atau pengesahan, tersirat atau bertulis, bertulis atau lisan, mengenai produk / baucar / e-baucar ditawarkan di bawah kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan kualiti, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan atau kegunaan tertentu, kesihatan dan keselamatan. Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama di bawah terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh pemilik jenama. Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama hendaklah diselesaikan oleh pengguna secara terus dengan pemilik jenama.
30. Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat Peraduan pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlakanya.
31. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang www.paynet.my atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
32. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di www.paynet.my akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
33. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
34. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan Hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini.
35. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

36. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
37. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.
38. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.
39. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan Peserta kami untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

Perlindungan Data

40. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("**Data Peribadi**") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

41. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.
42. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a) Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b) Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c) Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
43. Peserta boleh merujuk kepada Terma dan Syarat laman web Penganjur di www.paynet.my.
44. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data daripada pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
45. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]